



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008**

## **PPj ANJUR PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PUTRAJAYA, 24 Februari 2024** – Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Pertandingan Memancing Putrajaya 2024 bersempena Sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan di Sisiran Tasik Putrajaya, Presint 4. Pertandingan yang bermula dari jam 7.30 pagi hingga jam 12.30 tengahari ini telah disempurnakan pelepasannya oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden PPj.

Pertandingan Memancing merupakan salah satu acara tahunan di Putrajaya yang telah dianjurkan sejak tahun 2001 di Tasik Putrajaya. Bagi penganjuran kali ini, PPj masih mengekalkan konsep “Tangkap dan Lepas Mesra Alam” yang mengkehendaki para peserta melepaskan semula beberapa spesies ikan terpilih. Ikan-ikan tersebut perlu dilepaskan semula ke tasik bagi menjaga proses perkembangan ikan tersebut serta memelihara sistem ekologi Tasik Putrajaya. Pengiraan mata adalah berdasarkan berat spesies ikan yang ditangkap. Antara spesies ikan bermutu tinggi yang terdapat di Tasik Putrajaya ialah Kelah, Temoleh, Tengas, Bujuk, Kerai, Sebarau, Jelawat, Belida, Patin dan Tenggalan.

Pertandingan Memancing Putrajaya 2024 ini terbuka kepada semua dengan yuran penyertaan untuk warganegara ialah sebanyak RM30 bagi setiap joran, manakala bagi bukan warganegara pula yuran pertandingan ditetapkan sebanyak RM50.00. Tiada had bilangan joran ditetapkan untuk setiap pemancing di mana pemancing bebas membuat pilihan bilangan joran serta lokasi untuk memancing.

PPj menyediakan hadiah wang tunai kepada pemenang tempat pertama sebanyak RM7,000.00, tempat kedua RM5,000.00 dan RM3,000.00 untuk tempat ketiga beserta hadiah iringan. Manakala pemenang tempat ke 4 hingga 10 membawa pulang hadiah wang tunai RM200.00, pemenang tempat ke 11 hingga 20 (RM100) dan tempat ke 21 hingga 50 pula akan menerima RM70.00. Menariknya pada kali ini, tidak dilupakan pemenang tempat ke 51 hingga 100, mereka turut diraikan dengan hadiah RM50.00.

Turut diadakan beberapa acara sampingan seperti Pertandingan Memasak Ikan Air Tawar. Manakala Pertandingan Mewarna dan Memancing Udang pula dikhususkan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Hadiah menarik turut disediakan kepada pemenang untuk kesemua acara sampingan yang dipertandingkan.

*Sambungan Siaran Media:*

**PPj ANJUR PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN WILAYAH PERSEKUTUAN**

---

Turut diadakan beberapa acara sampingan seperti Pertandingan Memasak Ikan Air Tawar. Manakala Pertandingan Mewarna dan Memancing Udang pula dikhususkan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Hadiah menarik turut disediakan kepada pemenang untuk kesemua acara sampingan yang dipertandingkan.

Bersempena dengan Pertandingan Memancing ini, simbolik pengurusan mampan ikan Tasik Putrajaya, Perbadanan Putrajaya melepaskan 6 ekor ikan induk dari spesies Kelah, Temoleh dan Kerai sekitar berat 2kg. Turut dilepaskan 150 ekor anak baung bersaiz 5 – 6 inci sumbangan dari Jabatan Perikanan Malaysia yang mendapatkan bekalan dari Pusat Penyelidikan Perikanan Gelami Lemi, Negeri Sembilan.

PPj telah melaksanakan pendekatan pengurusan ikan secara bersepadu dan sistematik merangkumi aspek pemantauan / persampelan (monitoring), penambahan stok (fish stocking) serta pelupusan ikan pemangsa. Aktiviti persampelan ikan dilaksanakan secara berkala bagi menentukan status semasa populasi, komposisi dan diversiti ikan. Dengan data hasil persampelan yang diperolehi, tindakan-tindakan lanjutan dirangka bagi menambahbaik keadaan sedia ada agar populasi dan komposisi ikan yang pelbagai sentiasa dalam keadaan terbaik serta rantai makanan (food chain) hubungan mangsa dan pemangsa adalah seimbang.

Secara tidak langsung, pelbagai aktiviti yang dianjurkan di Tasik Putrajaya akan memberikan nilai tambah bagi memperkasakan perkhidmatan ekosistem Tasik dan Wetland Putrajaya, sebuah tapak ekosistem perbandaran yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO sejak tahun 2010.



**(TPT. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

Pengarah

Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 23 Februari 2024

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.